

Cetusan idea Dr. Mahathir dahului sejarah

UM 24 APR 2002

MELAKA 23 April. —. Pemikiran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendahului para pemimpin Islam dalam memahami isu global yang banyak membawa cabaran kepada negara-negara Islam.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Ismail Ibrahim berkata, cetusan rasa dan idea yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri sejak beberapa lama telah mendahului sejarah dan peristiwa yang dialami oleh umat Islam pada masa sekarang.

“Penonjolan Dr. Mahathir mengenai imej Islam dan umatnya yang sentiasa dipandang rendah kerana kemunduran dalam segala bidang kemajuan dunia telah menjadi kenyataan dengan penindasan serta permusuhan dalam peristiwa Bosnia Herzegovina dan Palestin.

“Baru-baru ini peristiwa 11 September mengakibatkan seluruh dunia Islam dipandang dengan pandangan jelek dan hina, serta dibenci dan disumpah secara berterusan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja pada Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad di Hotel Golden Legacy di sini, hari ini.

Menurutnya, Perdana Menteri berpendapat isu kemunduran dan kelemahan umat Islam berpunca dari krisis dalaman serta permai-

nan politik negara maju yang mengeksploitasikan krisis itu demi kepentingan mereka.

“Proses globalisasi pula telah meletakkan negara Islam dalam perangkap negara maju seperti yang dijelaskan oleh Dr. Mahathir dalam ucapannya pada persidangan negara membangun Islam, D-8, di Dhaka pada Mac 1999.

“Negara-negara Islam kebingungan dan kecemasan dalam menghadapi globalisasi kerana dilanda krisis identiti, kurang yakin dan tidak mampu sehingga ada yang tunduk di bawah telunjuk negara maju yang mencetuskan gagasan itu,” katanya.

Menurut Dr. Ismail, Perdana Menteri sentiasa menekankan mengenai agenda kefahaman Islam yang global dan universal di kalangan umat Islam dan bukan Islam.

“Masalah yang dihadapi oleh umat Islam ialah masalah kefahaman yang luas tentang Islam dan ajarannya yang komprehensif sebagai satu cara hidup yang lengkap.

“Mereka melihat Islam sebagai satu amalan yang menyentuh sebahagian kecil kehidupan mereka, tetapi tidak dapat melihat Islam sebagai satu sistem yang menyeluruh untuk pembangunan mereka dalam segala cabang ilmu pengetahuan, sains, teknologi, ekonomi, politik, sosial dan sebagainya,” ujar beliau.